

16 NOV 1997

Suleiman-Media

MALAYSIA TIMBANG BELI RUANG AKHBAR LUAR NEGERI PERJELAS KEADAAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan membeli ruang akhbar dan masa siaran televisyen luar negara dalam usaha memperbetulkan gambaran tidak betul terhadap Malaysia khususnya mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dibuat oleh media Barat.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed berkata, bagaimanapun langkah itu hanya akan dilaksanakan jika ia mendapat kelulusan Kabinet.

Kemungkinan itu yang meliputi pembelian ruang iklan di akhbar-akhbar utama dan masa siaran stesen televisyen di Amerika Syarikat dan Eropah akan dikemukakan kepada Kementerian secepat mungkin, katanya.

"Kita akan beli ruang iklan dan masa siaran televisyen di Amerika Syarikat dan Eropah untuk tujuan itu jika Kabinet memberikan kebenaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Khemah Perubatan Percuma anjuran Kor Wanita Kota di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan beberapa pihak termasuk Ketua Pengarang akhbar The New Straits Datuk A. Kadir Jasin yang mahu Kementerian Penerangan turut memberi penerangan mengenai Malaysia di luar negara.

Suleiman berkata ruang iklan dan masa siaran terpaksa dibeli kerana hampir mustahil bagi akhbar-akhbar dan stesen televisyen di Barat memberikan ruang dan masa siaran secara percuma untuk Malaysia membuat penerangan dan penjelasan mengenai perkara yang benar.

Beliau berkata, pihaknya sedar akan laporan negatif melalui media massa luar negara dan mahu menerangkan gambaran yang sebenar mengenai dasar kita dan tindakan Dr Mahathir khususnya dalam menangani masalah penurunan nilai mata wang yang disebabkan perbuatan spekulator.

Menurut beliau, banyak negara lain, yang turut mengalami kesan buruk akibat serangan spekulator mata wang, juga menyetujui kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Dr Mahathir tetapi mereka sendiri tidak berani bersuara dan akibatnya Dr Mahathir dan Malaysia menjadi sasaran media asing.

Melalui ruang iklan dan masa siaran yang akan dibeli itu, beliau berkata, Kementerian Penerangan akan menyiarkan gambaran yang sebenar mengenai Dr Mahathir dan tindakan-tindakannya yang turut mewakili kepentingan negara membangun dan dunia ketiga.

Ketika berucap sebelum itu, beliau berkata tradisi dan budaya rakyat Malaysia yang bersatu padu akan membolehkan mereka terus memberi sokongan yang padu kepada kepimpinan negara untuk menghadapi krisis mata wang sekarang dengan baik. -- BERNAMA

MNY PR